

PROGRAM GERAN PUSAT BANDAR KUALA LUMPUR 2026

GAMBARAN KESELURUHAN

Permohonan Dibuka	Permohonan Ditutup	Pemakluman Status Permohonan	Bengkel Penerima Geran
8 Julai 2026	21 Ogos 2026	30 September 2026	1 minggu selepas pemakluman status

1. Meremajakan Pusat Bandar Kuala Lumpur sebagai Daerah Kreatif dan Kebudayaan

Pusat Bandar Kuala Lumpur, iaitu teras bersejarah bandar ini, sedang berkembang sebagai sebuah daerah kreatif dan kebudayaan yang dinamik di bawah rangka kerja Daerah Kreatif dan Kebudayaan Kuala Lumpur (KLCCD).

Pelan Induk Strategik Daerah Kreatif dan Kebudayaan Kuala Lumpur (KLCCD) telah dibangunkan oleh Think City dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada tahun 2019, dengan sokongan Jabatan Warisan Negara, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, serta Yayasan Hasanah, telah menetapkan visi jangka panjang dan rangka kerja bagi pemulihan berteraskan budaya di pusat bandar Kuala Lumpur. Berpandukan kepada asas ini, Pelan Tindakan Strategik Warisan KL yang terkini memperkukuh visi tersebut melalui pelaksanaan yang diselaraskan, kerjasama strategik, projek-projek utama, serta strategi pengaktifan yang bertujuan menghidupkan semula teras bersejarah bandar ini menjadi sebuah daerah kreatif dan budaya yang berdaya hidup, inklusif, berdaya huni, dan mampan, di samping mengintegrasikannya dengan fabrik bandar bersejarah Kuala Lumpur dan meningkatkan kualiti hidup serta daya tarikan pengunjung.

Sejak lebih sedekad yang lalu, Think City telah berusaha merentasi kedua-dua aspek fizikal bandar dan juga kelestarian budaya, dengan memperbaiki ruang awam, menyokong penyesuaian semula bangunan, serta membolehkan pengaktifan budaya yang menghubungkan semula masyarakat dengan tempat, berlandaskan keyakinan bahawa bandar dibentuk bukan sahaja oleh infrastruktur, tetapi juga oleh pengalaman, naratif, dan komuniti yang menghidupkannya.

Program Geran Pusat Bandar Kuala Lumpur merupakan salah satu inisiatif penting yang diwujudkan di bawah strategi yang lebih luas ini, menyediakan landasan bagi idea, perkongsian, dan langkah yang menyumbang ke arah pembentukan bandar yang lebih berdaya hidup, inklusif, dan berdaya huni.

2. Apakah itu Program Geran Pusat Bandar Kuala Lumpur?

Diperkenalkan pada tahun 2020, Program Geran Pusat Bandar Kuala Lumpur direka untuk menghidupkan semula pusat bandar bersejarah dengan mentransformasikannya sebagai sebuah hab yang kreatif, berdaya huni dan berkembang maju. Melalui pemerkasaan komuniti serta penawaran peluang untuk pemulihan daerah kreatif dan pembangunan ekonomi, program ini bertujuan meningkatkan daya tahan sosial dan alam sekitar di pusat bandar Kuala Lumpur.

Sehingga kini, program ini, dibawah sokongan Kementerian Kewangan, telah menyalurkan lebih RM6 juta kepada 80 pemohon, dengan nisbah pelaburan bersama sebanyak 1:6.5. Para penerima



geran ini memberi tumpuan kepada beberapa kawasan seperti Presint Sivik, Presint Jalan Petaling, Presint Segi Tiga Bersejarah, dan beberapa kawasan lain.

Seiring dengan aspirasi Kuala Lumpur untuk muncul sebagai sebuah bandar kreatif terunggul di rantau ini, budaya dan kreativiti semakin diiktiraf sebagai pemacu utama kepada peluang ekonomi, hubungan sosial serta transformasi berasaskan tempat. Melalui kerjasama berterusan dengan Kementerian Kewangan Malaysia, kami berupaya menyokong pelbagai inisiatif pemulihan bandar yang memperkukuh ekosistem kebudayaan di Pusat Bandar Kuala Lumpur, meningkatkan kerancangan bandar serta menjana nilai ekonomi dan sosial yang mampan.

3. Apakah objektif Program Geran Pusat Bandar Kuala Lumpur 2026?

Program ini bertujuan untuk:

- Memperkukuh rangkaian ruang kreatif, budaya, komuniti dan organisasi berasaskan tempat di dalam Pusat Bandar Kuala Lumpur.
- Menyokong inisiatif inovatif dan kolaboratif yang menjana nilai awam yang berpanjangan.
- Menyerlahkan kualiti, kebolehcapaian dan keterangkuman ruang, program dan pengalaman.
- Memupuk penglibatan komuniti dan memperkasa hubungan antara ahli masyarakat dan tempat.
- Memupuk kerjasama dan usaha sama merentasi sektor dalam mencari peluang baharu.
- Membina kemampanan organisasi dan menyumbang kepada pembangunan dan kemeriahan Pusat Bandar Kuala Lumpur bagi jangka masa yang panjang.

4. Fokus Program Geran Pusat Bandar Kuala Lumpur 2026

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Think City telah menyokong pelbagai inisiatif kreatif dan inisiatif yang digerakkan oleh komuniti yang mengaktifkan ruang awam, memperkayakan program budaya, serta memperkukuh ekosistem kreatif di seluruh pusat bandar Kuala Lumpur.

Berteraskan asas ini, Program Geran Pusat Bandar Kuala Lumpur 2026 mengambil pendekatan yang lebih tertumpu dan strategik bagi menjana impak pemangkin yang lebih besar serta memperdalam kerjasama dalam ekosistem. Sambil meneruskan tema-tema yang telah diterokai pada tahun-tahun sebelumnya, program tahun ini berfokus kepada memperkukuh muzium, galeri, serta ruang yang lebih kecil, persendirian, dan diterajui oleh komuniti di bawah Rangkaian Muzium dan Galeri (*Museum and Gallery Network – MAGNET*). Inisiatif ini mengiktiraf ruang-ruang ini sebagai pemangkin budaya yang penting dalam bandar. Selain berfungsi sebagai ruang pameran, ia turut menyumbang kepada pemeliharaan warisan budaya, pembangunan bakat kreatif dan kuratorial, pengayaan naratif komuniti, serta peningkatan penglibatan awam terhadap sejarah dan identiti yang membentuk Pusat Bandar Kuala Lumpur.

Pada masa yang sama, program ini terus menyokong pelbagai inisiatif yang mengaktifkan ruang dan tempat, memperkukuh komuniti serta perusahaan tempatan, meningkatkan kualiti ruang awam dan pengalaman pengunjung, menggalakkan penyertaan dan kerjasama, serta menangani peluang berasaskan tempat dan cabaran bandar melalui pendekatan kreatif, budaya, alam sekitar, digital, dan berasaskan komuniti.



Sehubungan itu, program tahun 2026 disusun di bawah enam bidang fokus strategik, iaitu:

- Memajukan Rangkaian Muzium dan Galeri (MAGNET)
- *Placemaking* & Peremajaan Ruang
- Pengaktifan Budaya & Kandungan Kreatif
- Pembenihan Perniagaan Kreatif & Pembangunan Organisasi
- Penglibatan Komuniti & Pembinaan Kapasiti
- Pendigitalan & Inovasi

Hasil yang dijangka termasuk projek atau intervensi yang dilaksanakan, dokumentasi *output* bukti penyertaan awam, serta sumbangan yang dapat ditunjukkan terhadap peningkatan daya hidup budaya, sosial, atau ekonomi di pusat bandar Kuala Lumpur.

5. Apakah MAGNET?

Rangkaian Muzium dan Galeri (MAGNET) ialah sebuah rangkaian muzium, galeri, dan ruang di seluruh Pusat Bandar Kuala Lumpur yang menghimpunkan institusi warisan dan budaya milik awam serta persendirian untuk memupuk kerjasama, memperkukuh penglibatan awam, dan memperkaya penceritaan tentang sejarah, komuniti, dan identiti yang membentuk landskap budaya bandar yang sentiasa berkembang.

Dibangunkan berdasarkan kajian yang dijalankan pada tahun 2024 hingga 2025, Rangka Kerja MAGNET mengiktiraf kepelbagaian skala, kapasiti, dan model operasi dalam rangkaian ini melalui satu kerangka bertingkat, termasuk satu kategori tambahan bagi "Ruang Bebas".

Bagi Program Geran Pusat Bandar Kuala Lumpur 2026, tema pendanaan MAGNET terbuka kepada muzium, galeri, dan ruang bebas yang memperkaya kehidupan budaya di Pusat Bandar Kuala Lumpur melalui pameran, penceritaan, program awam, dan penglibatan komuniti. Pemohon yang layak mestilah diklasifikasikan sebagai Tahap 4 atau Ruang Bebas di bawah Rangka Kerja MAGNET (rujuk Jadual 1 dalam Lampiran).

6. Siapakah yang layak memohon dana Program Geran Pusat Bandar Kuala Lumpur?

Program ini terbuka kepada pemohon individu serta entiti yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), dan Pendaftaran Pertubuhan (ROS), khususnya organisasi berasaskan komuniti, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), perusahaan sosial, perusahaan kreatif serta entiti lain yang layak. Projek yang dicadangkan hendaklah menyumbang kepada usaha pembangunan semula Pusat Bandar Kuala Lumpur dengan memperkaya pengalaman pengunjung, memperkukuh aktiviti ekonomi tempatan berasaskan budaya, serta menyumbang kepada faedah yang bermakna kepada komunitinya.

Pemohon dana Program Geran Pusat Bandar Kuala Lumpur hendaklah:

- Beroperasi di dalam zon teras atau zon penampakan Pusat Bandar Kuala Lumpur, atau menunjukkan perkaitan yang jelas dengan zon tersebut (rujuk Peta 1: Kawasan Liputan KLCCD);
- Menunjukkan operasi yang aktif serta keupayaan untuk melaksanakan projek yang dicadangkan, disokong oleh portfolio program, projek atau aktiviti terdahulu;



- Menunjukkan komitmen yang jelas dalam menyampaikan inisiatif yang inklusif dan menyumbang kepada komuniti tempatan dan kemeriahan Pusat Bandar Kuala Lumpur.

Walaupun program ini terbuka kepada pelbagai inisiatif kreatif dan diterajui oleh komuniti merentas bidang fokusnya, tema pendanaan MAGNET terbuka khusus kepada muzium, galeri, dan ruang bebas yang memperkaya kehidupan budaya di Pusat Bandar Kuala Lumpur melalui pameran, penceritaan, program awam, dan penglibatan komuniti. Pemohon yang layak mestilah diklasifikasikan sebagai Tahap 4 atau Ruang Bebas di bawah Rangka Kerja MAGNET (rujuk Jadual 1 dalam Lampiran), telah beroperasi sekurang-kurangnya enam (6) bulan, serta menunjukkan rekod pencapaian yang kukuh melalui portfolio program, pameran, projek, atau aktiviti terdahulu.

Organisasi dan ruang yang layak termasuk:

- Ruang bebas yang diterajui secara bebas dan berasaskan komuniti
- Muzium dan galeri bebas
- Ruang yang diterajui artis
- Ruang yang diterajui kolektif
- Platform eksperimental dan hibrid
- Lain-lain ruang kreatif dan budaya yang menyokong penglibatan awam serta penyertaan komuniti

7. Apakah yang disokong oleh Program Geran Pusat Bandar Kuala Lumpur?

Program ini menyediakan pembiayaan bagi perbelanjaan langsung yang berkaitan dengan projek yang dicadangkan, dengan jumlah geran antara **RM30,000 hingga RM100,000** bagi setiap permohonan.

Perkara penting yang perlu diberi perhatian ialah:


- mengutamakan projek yang mempunyai pelaburan bersama pada kadar 1:1;
- mengutamakan projek yang berimpak tinggi;
- menyokong projek yang terbuka kepada semua kelompok masyarakat, menarik pengguna dan pengunjung baharu, memperkenalkan kandungan yang berkualiti tinggi, dan mempelbagaikan penggunaan ruang; dan
- mengutamakan projek yang boleh siap sepenuhnya menjelang 30 Jun 2027**

***Sebarang permohonan lanjutan tempoh projek melebihi tarikh ini perlu dikemukakan secara bertulis kepada Think City sebelum 1 Mei 2027.*

8. Dimanakah kawasan tumpuan Program Geran Pusat Bandar Kuala Lumpur?

Program ini menyokong projek dalam kawasan liputan Warisan KL di Pusat Bandar Kuala Lumpur, yang meliputi kawasan seluas 20 km² merangkumi Zon Teras dan Zon Penampakan seperti yang dikenal pasti dalam Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040. Keutamaan diberikan kepada projek dalam Zon Teras Warisan KL (ditandakan dengan warna merah) serta kawasan fokus lain (digariskan dengan warna biru). Projek dalam kawasan liputan yang lebih luas (digariskan dengan warna kelabu) turut layak dipertimbangkan.





- Pusat Bandar Kuala Lumpur
- 1 Presint Perniagaan Tradisional
- 2 Presint Pendidikan
- 3 Presint Segitiga Bersejarah
- 4 Presint Jalan Petaling
- 5 Presint Sivik
- Kawasan Penting Lain
- 1 Chow Kit Selatan
- 2 Bukit Nanas
- 3 Bukit Ceylon
- 4 Presint M118
- 5 Enklaf Kg. Attap
- 6 Brickfields
- 7 Institusi & Budaya
- 8 Taman Tugu & Taman Botani Perdana
- 9 Istana Negara
- 10 Istana Budaya

Sumber: Warisan KL – Kawasan Fokus di bawah Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040

9. Apakah Cabaran Utama Bandar di Pusat Bandar Kuala Lumpur?

Bangunan Usang	Cuaca Kurang Selesa	Ruang Awam Kurang Memuaskan	Aspek Keselamatan Kurang Memuaskan
Tahap Ketersambungan Rendah	Masalah Gelandangan	Kekurangan Perniagaan Waktu Malam	Perdagangan Barang Warisan dan Tradisi Menurun
Kurang Tawaran Pengalaman Kepada Pengunjung Berkualiti Tinggi	Perniagaan Kreatif Kurang Disokong	Kurang Kandungan Berasaskan Pengetahuan dan Hab Inkubasi	Penurunan Jumlah Penduduk

10. Bagaimanakah program ini dapat menyokong projek anda untuk menghidupkan semula Pusat Bandar Kuala Lumpur?

Program ini menyokong projek di bawah tema-tema utama berikut yang menyumbang kepada Pusat Bandar Kuala Lumpur yang lebih bertenaga, berdaya huni, dan saling terhubung melalui usaha memperkukuh komuniti, menyokong perusahaan tempatan, serta memperkaya kehidupan budaya dan pengalaman awam di bandar:



Tema	Kategori Projek
Memajukan Rangkaian Muzium dan Galeri (Museum and Gallery Network – MAGNET)	Memperkukuh ekosistem MAGNET dengan menyokong muzium, galeri, dan ruang bebas melalui pembangunan kuratorial, penambahbaikan pameran dan ruang, pembangunan kapasiti organisasi, serta inisiatif kolaboratif. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, pembangunan audiens, penambahbaikan kebolehcapaian, pengarkiban dan pendokumentasian, program awam, serta kerjasama yang memperkukuh daya tahan organisasi dan menggalakkan kolaborasi yang lebih erat dalam rangkaian. <i>Nota: Penerima geran yang berjaya di bawah tema pendanaan MAGNET akan menerima sesi perundingan secara individu dan berkumpulan bersama Pasukan Museologi Think City. Selain pembiayaan geran, penerima juga akan mendapat manfaat daripada bimbingan, khidmat nasihat, dan perkongsian pengetahuan bagi memperkukuh kapasiti organisasi, menggalakkan pembelajaran sesama rakan, serta menyokong kelestarian jangka panjang ekosistem MAGNET.</i>
Placemaking & Peremajaan Ruang	Peremajaan dan penambahbaikan ruang awam, budaya, dan komuniti melalui <i>placemaking</i>, guna semula adaptif, penambahbaikan ruang, peningkatan kebolehcapaian, intervensi taktikal, serta penyelesaian bandar yang mampan.
Pengaktifan Budaya & Kandungan Kreatif	Pembangunan program budaya, kandungan kreatif, pameran, serta aktiviti pengaktifan awam yang menggalakkan penyertaan, memperkukuh penglibatan audiens, dan membina nilai budaya yang berkekalan untuk Pusat Bandar Kuala Lumpur.
Pembenihan Perniagaan Kreatif & Pembangunan Organisasi	Memperkukuh kelestarian, profil, kapasiti operasi, dan pertumbuhan organisasi, perniagaan, serta kolektif kreatif dan budaya melalui inisiatif pembangunan perniagaan, pengukuhan organisasi, pemasaran, dan pembangunan audiens.
Penglibatan Komuniti & Pembinaan Kapasiti	Inisiatif yang memperkasa komuniti melalui penyertaan, pembangunan kapasiti, bimbingan, kerjasama, dan perkongsian pengetahuan bagi memperkukuh jaringan



	tempatan serta meningkatkan daya tahan komuniti dalam jangka panjang.
Pendigitalan & Inovasi	Menyokong pembangunan dan penerimgunaan idea inovatif, penyelesaian digital, serta pendekatan kreatif yang menjadikan Pusat Bandar Kuala Lumpur lebih mudah diakses, lebih menarik untuk dikunjungi, dan lebih menggalakkan penyertaan orang ramai, di samping menangani peluang berasaskan tempat dan cabaran bandar.

Sila rujuk Jadual 2 dan 3 dalam Lampiran untuk rangka kerja tema yang lengkap serta hasil yang dijangkakan.

11. Apakah jenis perbelanjaan yang layak dibiayai oleh Program Geran Pusat Bandar Kuala Lumpur?

Berikut ialah contoh perbelanjaan yang layak disokong di bawah program ini:

PERBELANJAAN YANG DIBENARKAN	
Mobilisasi projek dan persediaan awal	- Kajian, bantuan teknikal, penilaian dan lain-lain khidmat nasihat yang diperlukan sebelum projek dimulakan; dan - Mobilisasi dan pembersihan tapak.
Bahan-bahan dan pembekal	Kos bahan mentah atau bahan yang digunakan untuk penghasilan produk seni, pemasangan, pembinaan, penghijauan dan penerbitan.
Peralatan dan teknologi	Kos penyewaan mesin, peralatan, perisian komputer, atau sebarang teknologi yang diperlukan untuk kerja penghasilan, pencetakan, pengedaran dan persediaan acara.
Khidmat profesional	- Kos yang berkaitan dengan pelaksanaan projek, termasuk bayaran kepada pakar, pemudah cara, rakan kolaborasi, kurator, ketua projek, jururunding, kontraktor, penyedia perkhidmatan, atau khidmat profesional dan khidmat nasihat lain yang diperlukan bagi pelaksanaan tugas khusus; dan - Kos aktiviti pembangunan kapasiti yang bertujuan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pasukan projek atau komuniti yang lebih luas.
Aktiviti pemasaran dan promosi	Perbelanjaan bagi mempromosikan dan menyebarkan maklumat projek, seperti media sosial atau iklan



digital, bahan pemasaran, percetakan katalog, dan pembangunan laman sesawang; dan

- Perbelanjaan bagi mendapatkan khidmat tenaga kreatif seperti pereka, copywriter, jurugambar, dan juruvideo.

Catatan: Senarai di atas mungkin tidak menyeluruh. Untuk maklumat lanjut mengenai perbelanjaan yang layak, sila hubungi Think City.

12. Apakah perbelanjaan yang tidak disokong oleh dana Program Geran Pusat Bandar Kuala Lumpur 2026?

Perbelanjaan yang tidak disokong adalah seperti berikut:

- Kos yang ditanggung sebelum perjanjian ditandatangani;
- Yuran pendaftaran syarikat atau pelesenan;
- Kos penginapan;
- Kerja baik pulih dan penyelenggaraan yang dilaksanakan di luar tempoh pelaksanaan asal projek;
- Pembelian atau pemerolehan aset fizikal;
- Kos overhead pertubuhan seperti sewa, insurans, bil utiliti, gaji pekerja dan cukai taksiran;
- Denda, penalti, atau yuran guaman;
- Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

13. Siapakah yang TIDAK LAYAK memohon dana Program Geran Pusat Bandar Kuala Lumpur?

Permohonan anda tidak akan disokong sekiranya:

Anda adalah individu/kolektif/organisasi yang:

- Diisytiharkan muflis atau sedang menjalani proses muflis;
- Terlibat dengan prosedur tindakan, tuntutan, proses atau siasatan undang-undang;
- Menghadapi pertuduhan jenayah atau dinamakan sebagai tertuduh oleh mahkamah;
- Mempunyai laporan capaian berkait program Think City yang masih tertunggak; dan
- Mempunyai reputasi buruk semasa proses penilaian.

Anda mencadangkan projek yang:

- Tidak menyatakan dengan jelas latar belakang projek, isu, objektif, dan output;
- Melanggar peruntukan perundangan;
- Mempunyai kandungan yang menghina individu atau kumpulan berdasarkan kaum dan agama, atau yang mencetuskan konflik atau salah faham dalam masyarakat;
- Mengancam keselamatan negara dan keharmonian masyarakat; dan
- Tidak dirancang untuk manfaat orang awam.

14. Apakah dokumen yang perlu dihantar bersama permohonan anda?



Pemohon hendaklah menyertakan kertas cadangan yang merangkumi matlamat, proses dan sebarang keperluan teknikal (jika perlu). Pemohon juga perlu menyerahkan dokumen-dokumen berikut (dalam format PDF, jika sesuai):

- Portfolio pemohon (muzium, galeri, atau ruang) menunjukkan sekurang-kurangnya 6 bulan operasi aktif.
- Cadangan projek yang mengandungi:
 - Penjelasan konsep
 - Objektif
 - Garis masa
 - Pasukan dan peranan setiap ahli pasukan (termasuk rakan usaha sama utama yang akan terlibat secara langsung dalam pelaksanaan projek)
 - Pecahan kewangan (senaraikan semua kos termasuk kos yang dirangka oleh pihak ketiga. Ringkasan pecahan kewangan juga perlu diisi dalam portal permohonan geran)
- Lampiran yang mengandungi:
 - Penyata bank tertutup untuk memaparkan bukti alamat surat menyurat
 - Maklumat syarikat/organisasi – Perakuan Pendaftaran dengan Pendaftar Syarikat/Pertubuhan/Perniagaan - Borang 9, 13, 24, 44, 49, M&A
 - Lain-lain dokumen sokongan seperti gambar terkini tapak projek, kos pihak ketiga, dokumen kajian dan lain-lain.

15. Bagaimanakah cara untuk memohon Program Geran Pusat Bandar Kuala Lumpur?

Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan berserta semua dokumen sokongan yang berkaitan melalui platform permohonan geran di <https://thinkcity.grantplatform.com>.

Kehadiran ke sesi Hari Terbuka atau sesi libat urus adalah wajib. Tarikh sesi tersebut akan diumumkan melalui semua platform rasmi Think City.

16. Apakah proses seterusnya selepas memohon?

Semua permohonan akan dinilai dan diluluskan secara bersama melalui proses penilaian yang kompetitif. Semua permohonan akan melalui proses penilaian berikut, tertakluk kepada perubahan atas budi bicara Think City:





17. Apakah langkah seterusnya selepas permohonan dinilai?

a. Permohonan yang terpilih

- i. Permohonan yang terpilih akan menerima e-mel rasmi bersama Surat Tawaran.
- ii. Surat Tawaran akan sah selama 7 hari dari tarikh e-mel makluman dihantar. Sekiranya pemohon tidak menerima tawaran dalam tempoh tersebut, tawaran geran akan ditarik balik.
- iii. Semua penerima geran perlu menyertai Bengkel Penerima Geran bersama Think City untuk mengesahkan terma dan syarat projek geran masing-masing.
- iv. Setelah senarai serahan dan capaian kemajuan dipersetujui oleh penerima geran dan Think City, penerima geran akan menerima Surat Perjanjian yang menyatakan:
 - jumlah geran yang diluluskan dan tujuannya;
 - terma dan rujukan projek; dan
 - skop kerja dan senarai capaian kemajuan yang perlu diserahkan.



b. Permohonan yang tidak terpilih

Pemohon yang tidak terpilih akan dimaklumkan melalui e-mel dalam tempoh pemakluman yang sama.


c. Rayuan

Think City tidak menerima sebarang bentuk rayuan. Semua keputusan adalah muktamad.

18. Bagaimanakah dana akan disalurkan?

Dana akan disalurkan setelah tahap kemajuan dan serahan yang dipersetujui dipenuhi. Pembayaran akan dibuat dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja setelah laporan tahap kemajuan dikemukakan dan diluluskan, dan akan dimasukkan ke dalam akaun penerima geran yang disahkan (individu atau organisasi).

Peratusan dana dan serahan bagi setiap tahap kemajuan boleh diperhalusi mengikut keperluan setiap projek dan tertakluk kepada kelulusan akhir. Aliran proses adalah seperti berikut:



Laporan-laporan ini menyediakan data dan maklumat hasil yang penting kepada Think City bagi memantau prestasi dan kemajuan setiap projek serta memastikan akauntabiliti penggunaan dana geran. Laporan ini juga menyokong penyelidikan dan komunikasi Think City bagi menunjukkan impak projek yang dibiayai.

19. Apakah bentuk serahan dan laporan yang perlu disediakan oleh permohonan yang terpilih?

a. Sepanjang tempoh projek geran, anda perlu:



- i. Menyiapkan projek cadangan dalam tempoh yang ditetapkan dalam Surat Perjanjian dan menurut syarat-syarat pelaporan;
 - ii. Memastikan komunikasi dengan Think City terjaga dengan memaklumkan tentang kemajuan projek, atau sebarang perubahan dalam skop kerja atau garis masa projek; dan
 - iii. Mengakui sokongan Think City, Kementerian Kewangan dan Warisan KL menerusi mana-mana platform media berkaitan dan mematuhi panduan penjenamaan Think City, seperti memasukkan logo dalam bahan publisiti dan pemasaran berkaitan projek.
- b. Laporan Perkembangan Kemajuan mesti dihantar pada penghujung tahap kemajuan yang dipersetujui dan Laporan Penutup Projek perlu dihantar pada penghujung projek bersama lampiran berikut:**
- i. Sebuah Borang Penilaian Hasil yang telah lengkap dalam tempoh 14 hari selepas projek siap (templat akan diberikan oleh Think City);
 - ii. Sebuah penyata kewangan yang menyatakan penggunaan dana geran yang sebenar (templat akan diberikan oleh Think City); dan
 - iii. Sebarang bahan sokongan seperti gambar, video, dan/atau hasil sampingan yang diterbitkan sepanjang projek berlangsung.
- c. Nota Tambahan:**
- i. Think City berhak menarik balik permohonan atau kelulusan dalam keadaan berikut:
 - Perubahan skop kerja tanpa makluman awal dan kelulusan Think City;
 - Kegagalan menyiapkan projek seperti yang dicadangkan (tanpa sebab munasabah); dan
 - Pelanggaran terma dan rujukan khusus seperti yang dipersetujui dalam Surat Perjanjian.

20. Siapakah yang boleh dihubungi untuk sebarang pertanyaan?

Sebarang soalan ataupun perbincangan lanjut boleh diajukan kepada Think City melalui mesej WhatsApp di talian +6010 201 8930 atau e-mel kepada downtownkl@thinkcity.com.my.

-

Tentang Think City

Think City ialah sebuah organisasi impak bandar yang ditubuhkan pada 2009 untuk mewujudkan lebih banyak tempat yang mampan dan berekuiti bagi kebaikan semua. Pengetahuan, kemahiran dan strategi kami tertumpu kepada bentuk penyelesaian bandar, alam semula jadi, komuniti sosial dan ekonomi kebudayaan. Think City merupakan anak syarikat penuh Khazanah Nasional Berhad (dana kekayaan berdaulat Kerajaan Malaysia). Untuk maklumat lanjut, sila layari thinkcity.com.my.



Lampiran

1. Senarai Semak Permohonan Geran Pusat Bandar Kuala Lumpur 2026 – Semua perincian adalah perlu diisikan secara online di <https://thinkcity.grantplatform.com>

1. Maklumat Pemohonan

- ☐ Butiran perhubungan
- ☐ Butiran pendaftaran syarikat/organisasi

2. Cadangan projek

Gambaran Keseluruhan Projek ☐ Tajuk projek ☐ Penjelasan konsep ☐ Objektif projek	Pasukan Projek ☐ Struktur Organisasi Pasukan Projek ☐ Tugas dan Tanggungjawab ☐ Rakan usahasama/kolaborator/penasihat utama
Pelaksanaan Projek ☐ Garis masa/pelan kerja projek ☐ Metodologi/proses projek ☐ Keperluan teknikal (jika berkaitan)	Belanjawan ☐ Pecahan terperinci belanjawan ☐ Kos/sebut harga pihak ketiga disertakan (jika berkaitan) ☐ Ringkasan belanjawan disertakan dalam portal permohonan geran
Penyerahan Wajib Portfolio untuk Permohonan Tema MAGNET ☐ Portfolio pemohon (muzium, galeri, organisasi, kolektif atau ruang) ☐ Bukti menunjukkan sekurang-kurangnya enam (6) bulan operasi secara aktif	

3. Lampiran Dokumen

Pengesahan Dokumen & Organisasi

- ☐ Penyata bank kosong yang menunjukkan bukti surat-menyurat
- ☐ Dokumen pendaftaran syarikat/organisasi. Contohnya:
 - ☐ Borang 9 / ☐ Borang 13 / ☐ Borang 24 / ☐ Borang 44 / ☐ Borang 49
 - ☐ Memorandum & Artikel Persatuan (M&A)
 - ☐ Pendaftaran Syarikat/Persatuan/Sijil Perniagaan

Dokumen Sokongan Lain

- ☐ Gambar tapak projek
- ☐ Kos/Sebut harga pihak ketiga
- ☐ Dokumen penyelidikan/rujukan
- ☐ Visual/ilustrasi sokongan
- ☐ Surat sokongan/perkongsian (jika berkaitan)
- ☐ Bahan sokongan lain yang berkaitan



Keperluan Penyerahan

- ☐ Semua dokumen dihantar dalam format PDF ☐ Fail dilabel dan disusun teratur
- ☐ Semua bahagian telah dilengkapkan sebelum diserahkan
- ☐ Penyerahan dimuat naik sebelum tarikh akhir permohonan

2. Klasifikasi Muzium dan Galeri (MAGNET) di Pusat Bandar Kuala Lumpur

Tahap 1	Merangkumi Muzium Negara dan kompleks Muzium Negara yang diuruskan oleh Jabatan Muzium Malaysia (JMM). Bangunan Muzium Negara dibina khusus sebagai muzium kebangsaan untuk menempatkan dan mempamerkan koleksi negara, serta membentangkan naratif berkaitan sejarah, budaya dan identiti Malaysia.	
Tahap 2	Merangkumi institusi yang diuruskan secara langsung oleh Jabatan Muzium Malaysia (JMM). Ini merupakan institusi kendalian kerajaan yang mungkin tidak beroperasi di peringkat nasional, namun memainkan peranan penting dalam interpretasi warisan budaya.	
Tahap 3	Merujuk kepada institusi yang dikaitkan dengan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), yang terletak di dalam Warisan Kuala Lumpur.	
Tahap 4	Merangkumi galeri berskala kecil yang sering bersifat <i>ad hoc</i> serta ruang budaya bebas. Walaupun institusi ini mempunyai sumber yang terhad, ia kekal aktif dalam aktiviti warisan dan budaya.	Cabaran utama yang dihadapi oleh Tahap 4 dan Ruang: • Kuratorial: kerjasama rentas institusi, koleksi, pengaturcaraan awam • Reka bentuk: papan tanda, sistem pandu arah, pameran fizikal, penceritaan ruang, kebolehcapaian • Organisasi: model pembiayaan, strategi pemasaran, tenaga kerja, kepakaran, kapasiti
Ruang	Ruang merujuk kepada lokasi, sama ada bangunan, bilik, jalan/lorong, atau kawasan fizikal yang digunapakai atau berpotensi untuk dimanfaatkan sebagai ruang pameran bagi pelbagai jenis kegiatan warisan budaya. Dan juga buat tujuan penglibatan komuniti melalui pelaksanaan program penyertaan yang bertemakan budaya dan industri kreatif. Ini mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada: a) Bangunan bersejarah b) Ruang seni persembahan c) Jalan/lorong dan ruang luar	

Jadual 1: Klasifikasi Muzium dan Galeri (MAGNET)

3. Tema dan Rangka Kerja Projek

3.1 Rangka Kerja Tema Projek Memajukan Rangkaian Muzium dan Galeri (MAGNET)

Kategori	Bidang yang disokong	Jangkaan hasil
Pembangunan Kuratorial	- Penciptaan rangka kerja kuratorial atau model pameran yang inovatif dan mampan dengan kapasiti untuk pelaksanaan jangka panjang dan kerjasama merentas institusi; - Inisiatif kuratorial berasaskan penyelidikan, dipimpin komuniti atau eksperimen yang memperdalam pemahaman tentang sejarah tempatan, amalan budaya atau isu kontemporari; - Strategi dokumentasi, pengarkiban dan interpretasi yang menyumbang kepada pembinaan pengetahuan dan aksesibiliti bahan budaya jangka panjang.	- Rangka kerja yang didokumenkan (seperti set alat panduan, metodologi atau model kuratorial) yang menggariskan konsep dan pendekatan jangka panjang; - Sekurang-kurangnya satu program rintis, pameran atau aktiviti yang menunjukkan bagaimana rangka kerja yang dicadangkan boleh dilaksanakan dalam amalan.
Nota: Kategori ini menggalakkan projek yang memperkukuhkan pemikiran kuratorial dan eksperimen dalam ruang budaya persendirian. Ia menyokong inisiatif yang membangunkan rangka kerja yang bernas untuk pembuatan pameran, tafsiran dan penghasilan pengetahuan, sambil meneroka cara baharu untuk khalayak dan komuniti terlibat dengan koleksi, sejarah dan amalan budaya kontemporari. Projek di bawah tema ini harus menunjukkan bagaimana pendekatan kuratorial boleh berkembang melangkaui pameran individu ke arah model yang mampan, kolaboratif dan boleh disesuaikan merentasi institusi atau konteks.		
Pembangunan Reka Bentuk	Penciptaan rangka kerja kuratorial atau model pameran yang inovatif dan mampan	Rangka kerja yang didokumenkan (seperti set alat panduan, metodologi atau model



	dengan kapasiti untuk pelaksanaan jangka panjang dan kerjasama merentas institusi; • Inisiatif kuratorial berasaskan penyelidikan, dipimpin komuniti atau eksperimen yang memperdalam pemahaman tentang sejarah tempatan, amalan budaya atau isu kontemporari; dan • Strategi dokumentasi, pengarkiban dan interpretasi yang menyumbang kepada pembinaan pengetahuan dan aksesibiliti bahan budaya dalam jangka panjang.	kuratorial) yang menggariskan konsep dan pendekatan jangka panjang; • Sekurang-kurangnya satu program rintis, pameran atau aktiviti yang menunjukkan bagaimana rangka kerja yang dicadangkan boleh dilaksanakan dalam amalan.
	Nota: Tema ini menggalakkan projek yang menambah baik keadaan fizikal dan spatial ruang budaya, bagi membolehkan ia menyokong pameran, program, serta penglibatan awam dengan lebih berkesan. Fokusnya adalah kepada penyelesaian reka bentuk yang praktikal bagi meningkatkan penyampaian kandungan budaya, menambah baik pengalaman pengunjung, serta mengukuhkan kebolegunaan ruang, khususnya bagi organisasi yang beroperasi dengan sumber terhad. Projek boleh meneroka strategi reka bentuk yang boleh disesuaikan, berkesan dan taktikal yang membolehkan ruang berkembang dari semasa ke semasa sambil mengekalkan keselarasan fungsi dan estetika.	
Pembangunan Organisasi	• Inisiatif pembangunan kapasiti untuk pasukan, kolektif, atau pengendali komuniti, termasuk latihan dan pembangunan kemahiran; • Aktiviti pemasaran dan promosi yang memperluas keterlihatan serta memperkukuh penglibatan audiens, termasuk penglibatan kepakaran khusus	• Hasil yang jelas berkaitan pembangunan pasukan seperti kursus yang lengkap, penstrukturan semula peranan, atau pembangunan prosedur operasi standard (SOP), pengaturcaraan, dan sebagainya; • Strategi pemasaran dan pembangunan audiens, yang mungkin merangkumi pelan media sosial atau pendekatan komunikasi



	seperti pakar strategi media sosial atau pakar komunikasi.	lain bagi memperluas capaian awam, serta laporan ringkas penglibatan yang mendokumenkan capaian audiens dan hasilnya.
	Nota: Tema ini menggalakkan projek yang memperkukuh asas organisasi ruang budaya persendirian. Ia menyokong inisiatif yang meningkatkan kapasiti dalaman, memperbaiki kelestarian operasi, serta memperluas keupayaan pasukan atau kolektif untuk merancang, berkomunikasi, dan melaksanakan program yang bermakna. Projek boleh memberi tumpuan kepada pembinaan struktur dalaman yang lebih kukuh, penambahbaikan komunikasi strategik, atau pembangunan pendekatan baharu dalam penglibatan dan jangkauan audiens.	

Jadual 2: Tema dan Rangka Kerja Projek MAGNET



3.2 Lain-lain Tema dan Rangka Kerja Projek

Kategori	Bidang yang disokong	Jangkaan hasil
Placemaking & Peremajaan Ruang	Menyokong inisiatif berkaitan peremajaan dan penambahbaikan ruang yang kurang digunakan, ruang warisan atau ruang budaya melalui perancangan spatial, reka bentuk pameran, penyesuaian guna semua, intervensi taktikal, peningkatan kebolehcapaian, penambahbaikan pengalaman pengunjung, inisiatif penghijauan, serta penyelesaian bandar yang mampan.	• Intervensi ruang, reka bentuk atau persekitaran yang telah siap atau dalam bentuk diprototaip; • Dokumentasi reka bentuk dan teknikal (cth. pelan susun atur, <i>rendering</i>, visual sebelum/selepas, sampel bahan, sistem pandu arah); • Bukti penambahbaikan kebolehgunaan ruang, pengaktifan ruang, penglibatan pengunjung, hasil pengaturcaraan atau impak alam sekitar.
Pengaktifan Budaya & Kandungan Kreatif	Menyokong pembangunan kandungan budaya dan program awam yang mengaktifkan ruang serta melibatkan audiens, termasuk pameran, festival, bengkel, persembahan, seni awam, penceritaan, penyelidikan, dokumentasi dan inisiatif kuratorial eksperimental.	• Pelaksanaan program, pameran, pengaktifan, atau output kandungan; • Dokumentasi kandungan dan aktiviti (cth. penerbitan, arkib, media, set alat panduan, hasil penyelidikan); • Bukti penglibatan dan penyertaan audiens.
Pembenihan Perniagaan Kreatif & Pembangunan Organisasi	Menyokong inisiatif yang memperkukuh kelestarian, kapasiti operasi dan keterlihatan organisasi kreatif dan budaya, perniagaan serta kolektif termasuk pembangunan perniagaan, pengukuhan organisasi, latihan, pemasaran, komunikasi dan pembangunan audiens.	• Rangka kerja organisasi, perniagaan atau operasi yang baharu atau diperkukuh; • Bukti aktiviti pembangunan kapasiti (cth. latihan, SOP, bengkel, penstrukturan semula, pelan strategik); • Dokumentasi pembangunan audiens, perkongsian, penyertaan atau hasil ekosistem perniagaan.



Penglibatan Komuniti & Pembinaan Kapasiti	Menyokong inisiatif yang memperkukuh penyertaan komuniti, kolaborasi, bimbingan, pemerkasaan belia, pembangunan kemahiran dan perkongsian pengetahuan melalui pendekatan inklusif dan berasaskan komuniti.	• Pelaksanaan aktiviti penglibatan, bimbingan dan/atau pembangunan kapasiti; • Dokumentasi peserta, sesi dan hasil pembelajaran; • Bukti pembangunan kemahiran, perkongsian pengetahuan dan/atau impak komuniti.
Pendigitalan & Inovasi	Menyokong penggunaan alat digital, platform, media dan penyelesaian inovatif untuk meningkatkan kebolehcapaian budaya, kecekapan operasi, penglibatan audiens, dokumentasi serta penyelesaian cabaran bandar.	• Output digital, platform, sistem atau prototaip yang berfungsi; • Dokumentasi pengalaman pengguna, kebolehcapaian atau hasil penglibatan; • Bukti inovasi, kebolehgunaan atau kebolehan skala (<i>scalability</i>).

Jadual 3: Lain-lain Tema dan Rangka Kerja Projek

